

PENGENALAN KEPADA PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA

(*WORK BASED LEARNING*)

AZIAN ISMAIL

Jabatan Pelancongan & Hospitaliti
Politeknik Merlimau
azian@pmm.edu.my

ZULIANA ALIMAN

Jabatan Pelancongan & Hospitaliti
Politeknik Merlimau
zuliana@pmm.edu.my

Definisi dan Pengenalan PBK

Pembelajaran Berasaskan Kerja atau *Work Based Learning* (PBK) adalah sesuatu yang asing dan jarang didengar dalam sistem pembelajaran, malah tidak keterlaluan jika dikatakan masih ramai yang tidak pernah mendengar tentang program pembelajaran ini kerana sebelum memulakan kajian, Watisin (2011) telah menemubual beberapa orang individu tentang Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan ramai yang tidak mengetahui tentangnya. Situasi tersebut membuktikan program PBK belum popular di kalangan masyarakat Malaysia. Kebanyakan institusi pendidikan berasaskan teknik dan vokasional di luar negara telah melaksanakan kaedah pembelajaran ini bagi memantapkan kemahiran dan pengetahuan pelajar. PBK didefinisikan sebagai pembelajaran yang disediakan oleh universiti, kolej atau mana-mana institusi kemahiran di tempat kerja dengan kerja sama industri. Kaedah pembelajaran ini melibatkan proses pembelajaran di tempat kerja sebenar dengan operasi kerja sebenar sama ada secara dibayar atau percuma (Sweet, 2011). Antara definisi popular penyelidik terdahulu tentang PBK ialah Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) merupakan satu kaedah pembelajaran yang jelas memberikan pengalaman yang besar kepada pelajar dan memberikan mereka peluang yang lebih luas untuk menempatkan diri dalam bidang industri yang mereka ceburi.

Kepentingan PBK

PBK juga merupakan kaedah pembelajaran yang mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari di bilik kuliah dengan operasi kerja sebenar di industri. Kaedah ini dijalankan secara penempatan pelajar di tempat kerja secara praktikal, *mentoring* bagi meningkatkan kompetensi

pelajar (Naidu, 2011). Kaedah ini dapat mengurangkan jurang perbezaan di antara teori yang dipelajari di institusi pendidikan dengan praktikal di tempat kerja sebenar. Ini dapat mewujudkan situasi menang-menang diantara institusi pendidikan dan pihak industri. Namun, pelaksanaan PBK bukanlah semudah yang disangka kerana ia memerlukan hubungan kerja sama yang erat diantara industri dan institusi pendidikan. Hubungan jangka panjang yang perlu dibina secara bijak dan memenuhi inspirasi kedua belah pihak.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan PBK

Kejayaan sesuatu program yang menggunakan kaedah PBK ditentukan oleh pelbagai faktor. Hubungan kerja sama yang eksklusif antara pendidik dan industri merupakan faktor utama dalam menentukan kejayaan program secara PBK. Interaksi secara berterusan dapat mewujudkan hubungan yang lebih rapat dengan industri. Semakin rapat hubungan yang dibina semakin mantap program PBK yang dilaksanakan. Kejayaan sesuatu program secara PBK bukan ditentukan oleh sebanyak mana industri yang menjalinkan hubungan dengan kita tetapi sejauh manakah institusi dapat mengekalkan hubungan dengan industri berkaitan. Komitmen yang berterusan antara industri dan insitusi pendidikan sangat penting kearah mencapai satu matlamat yang sama iaitu melahirkan pelajar yang menepati kehendak industri. Faktor penentu kejayaan program secara PBK juga ditentukan oleh ketua yang menjadi teraju utama bagi sesuatu program. Ketua yang dipilih untuk mengendalikan program ini mestilah seorang yang sangat komited dan mempunyai pengetahuan yang sangat luas dalam bidang kemahiran yang berkaitan. Ketua perlu memastikan pihak industri mengikut kurikulum yang telah ditetapkan melalui pemantauan secara sistematik. Kegagalan dalam pemantauan industri secara berterusan menyebabkan program ini tidak dilaksanakan seperti yang dirancang dan menghasilkan pelajar yang tidak kompeten.

Manfaat PBK Kepada Pelajar

Program secara PBK yang dilaksanakan secara sistematik dapat memberi manfaat kepada pelajar. Pelajar bukan sahaja dapat menimba pengetahuan secara teori malah dapat mempraktikkan secara praktikal dalam suasana kerja yang sebenar. Proses pembelajaran lebih menarik dan pelajar mendapat pendedahan yang lebih jelas tentang kandungan pembelajaran. Berdasarkan pendedahan di alam pekerjaan yang sebenar pelajar akan lebih berminat dengan bidang yang diceburi dan dapat membayangkan kerjaya yang sebenar yang bakal diceburi. Ini dapat memberi input yang lebih jelas tentang skop tugas, ruang kerja dan tanggungjawab yang bakal ditanggung sebagai pekerja. PBK juga dapat membantu pelajar untuk melatih diri

mempraktikkan budaya kerja secara positif. Pendedahan suasana kerja yang sebenar melalui PBK secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk memahami kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan tempat kerja. Pemahaman yang lebih baik tentang ruang lingkup kerja yang sebenar mewujudkan rasa minat yang mendalam terhadap bidang pekerjaan. Minat yang mendalam terhadap bidang yang diceburi dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih cemerlang dalam pelajaran di insituti pengajian.

Selain pelajar mendapat manfaat daripada program secara PBK, institusi pendidikan juga dapat manfaat yang sewajarnya. Institusi pengajian dapat mewujudkan hubungan persahabatan dengan industri yang memberi pelbagai manfaat secara menang-menang. Kurikulum yang ditawarkan oleh institusi juga relevan dengan kehendak industri kerana penglibatan industri dalam penulisan kurikulum. Pihak institusi dapat menghasilkan kurikulum yang lebih berkualiti dengan penglibatan industri di peringkat penggubalan kurikulum. Kurikulum yang berkualiti akan menjamin kualiti graduan yang dihasilkan. Kerja sama industri dan institusi juga dapat memberi maklumat tentang tren semasa bagi sesuatu bidang. Oleh itu, institusi pengajian tidak ketinggalan dalam isu semasa berkaitan bidang yang diceburi.

Institusi pendidikan menyediakan pelbagai kemudahan peralatan dan bahan pembelajaran kepada pelajar. Namun tidak semua kemudahan dan peralatan yang disediakan sama dengan apa yang ada di industri. Oleh itu, kerja sama dengan industri membolehkan pelajar mendapat pendedahan dengan peralatan yang terbaru. Manfaat daripada kerja sama industri dan institusi pendidikan menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih berharga kepada pelajar. Sehubungan itu juga, institusi pendidikan akan dapat meningkatkan reputasi organisasi dan kualiti pendidikan.

Manfaat PBK Kepada Komuniti dan Organisasi

Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) juga sangat memberi kebaikan kepada komuniti daripada aspek hubungan komuniti. Kerja sama industri mewujudkan hubungan yang rapat antara institusi dan komuniti. Persekitaran yang akrab melalui kolaborasi ini akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pendidikan. Kolaborasi industri, institusi dan komuniti juga boleh membangunkan pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat juga dapat menggalakkan komuniti menimba ilmu pengetahuan untuk pembangunan diri mereka.

Seiring dengan manfaat kepada institusi pendidikan, komuniti, dan pelajar, PBK juga memberi faedah kepada organisasi yang terlibat. PBK mewujudkan organisasi pembelajaran dalam sesebuah organisasi. Percaturan menjadikan sebuah organisasi sebagai organisasi pembelajaran adalah relevan dengan perubahan dinamik abad ke 21 terutama institusi pendidikan sebagai perantara yang bertanggungjawab melahirkan generasi masa hadapan yang berilmu. Ciri organisasi pembelajaran yang menyediakan ruang dan peluang pembelajaran berterusan mampu meningkatkan kualiti, daya saing, keberkesanan dan kecemerlangan organisasi menepati dunia global tanpa sempadan. Pendekatan pengurusan organisasi pembelajaran mampu menjadikan organisasi bersaing dan mengadaptasi perubahan (Izham et al., 2011). Selain itu, PBK juga memberi peluang kepada organisasi untuk mendapatkan pekerja yang terlatih melalui institusi pendidikan. Secara tidak langsung, organisasi juga mempelajari ilmu pendidikan dan latihan daripada tenaga pengajar di institusi pendidikan. Sehubungan itu, penglibatan organisasi dalam PBK dapat meningkatkan imej dan prestasi organisasi itu sendiri.

Kesimpulan

PBK sangat memberi kebaikan, manfaat dan faedah kepada pelajar, institusi pendidikan dan organisasi. Namun begitu, sekiranya pelaksanaan PBK tidak dipantau dengan baik ia akan memberi kesan yang negatif kepada pelajar, insituti pendidikan dan organisasi. Terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaan PBK. Antara cabaran yang utama ialah memantapkan hubungan di antara institusi pendidikan dan organisasi. Menjalinkan hubungan kolaborasi memang mudah. Namun mengekalkan hubungan kolaborasi memerlukan komitmen yang tinggi antara institusi pendidikan dan organisasi. Tanpa komitmen kedua-dua belah pihak pelaksanaan PBK tidak berjalan dengan baik dan berkesan. Institusi pendidikan menghadapi cabaran untuk memastikan kurikulum yang dibina dilaksanakan mengikut perancangan bagi menghasilkan pelajar yang dikehendaki. Pelajar pula perlu dipantau agar mereka bukan hanya dilayan sebagai sumber tenaga kerja murah tetapi sebagai pelajar yang menimba ilmu pengetahuan. Adalah menjadi cabaran yang sangat besar kepada pendidik untuk memastikan pelajar benar-benar mendapat ilmu yang sepatutnya di industri melalui PBK.

RUJUKAN

- Aarkrog, V. (2005). 'Learning in the workplace and the significance of school-based education: A study of learning in a Danish vocational education and training programme', *International Journal of Lifelong Education*, Vol. 24, No 2, pp.137-147.
- Abdel-Wahab, M. (2012). 'Rethinking apprenticeship training in the British construction industry', *Journal of Vocational Education & Training*, Vol. 64, No 2, pp. 145-154.
- Blanchflower, D. and Lynch, M.L. (1994). Training at work: A comparison of US and British youths, in Lynch, M.L. (ed.), (1994), *Training for the private sector*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Fuziah Mat Yakop, Norazah Mohd Nordin and Saemah Rahman, 2011. School as Learning Organization: The Role of Prinipal's Transformational Leadership in Promoting Teacher Engagement. *World Applied Sciences Journal*, 14: 58 -63.
- Naidu, R. (2011). *VET glossary*, Leabrooks: NCVET.
- Sweet, R. (2011). European Training Foundation, 'Work-based learning in vocational education, with particular reference to Australia and its region: Models, constraints, opportunities and benefits', Prepared for an International Expert Panel Meeting on Work-based Learning, Turin, 14-15 November 2011.
- Wazli Watisin, (2011). *Perlaksanaan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja di Kolej Komuniti Bukit Beruang Melaka: Satu Kajian Kes*.